

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @  
TUBAU [LIBARAN]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimakah jalinan atau hubung kait antara WKB2030, Keluarga Malaysia dan Aspirasi 100 Hari Pentadbiran Jemaah Menteri dapat memulihkan ekonomi, memastikan kestabilan negara dan menjamin kesejahteraan hidup rakyat Malaysia.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030), Keluarga Malaysia dan Aspirasi Keluarga Malaysia 100 hari Pentadbiran Jemaah Menteri (AKM 100) telah dibangunkan dengan teras masing-masing iaitu:

- a) 7 teras bagi WKB 2030 adalah memperluaskan Ekosistem Perniagaan dan Industri, menggalakkan Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama, mentransformasi Modal Insan, meningkatkan Pengukuhan Pasaran Buruh & Peningkatan Pampasan Pekerja, mempertingkatkan Kesejahteraan Sosial

## NO. SOALAN : 9

Pekerja, Keterangkuman Wilayah dan memperkuuhkan Modal Sosial;

- b) Konsep Keluarga Malaysia dibina dengan berpegang kepada keutuhan negara dan terikat dengan nilai-nilai didikan sempurna dalam sesebuah keluarga yang saling melengkapi. Rukun Negara dan Perlembagaan Malaysia merupakan batu asas Keluarga Malaysia yang melandasi nilai dan prinsip Keluarga Malaysia yang kalis cabaran masa hadapan, berketerangkuman, kebersamaan dan kesyukuran tanpa mengira agama dan bangsa; dan
  - c) AKM 100 mempunyai 6 teras utama iaitu Menstruktur Semula Ekonomi, Menjamin Keselamatan dan Ketenteraman Negara, Meningkatkan Kesejahteraan Sosial, Mempertingkat Infrastruktur Menyeluruh, Memperkuuh Penyatuan Dalam Acuan Keluarga Malaysia dan Memperkasa Penyampaian Perkhidmatan.
2. Teras-teras yang menaungi WKB 2030, Keluarga Malaysia dan AKM 100 ini menunjukkan hasrat kerajaan untuk memulihkan negara dan mencapai status Malaysia negara maju dan berpendapatan tinggi menerusi inspirasi kesepakatan Keluarga Malaysia. Oleh itu, jalinan atau hubung kait antara WKB2030, Keluarga Malaysia dan AKM 100 sememangnya menyokong usaha kerajaan dalam usaha memulihkan ekonomi, memastikan kestabilan negara dan menjamin kesejahteraan hidup rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.